

SOALAN 8: NOVEL

(i) *Baca petikan novel di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.*

Setelah setengah jam digunakan untuk membuat pembentangan tentang pencemaran cahaya dan cuba menjelaskan kesannya terhadap keadaan langit dan populasi kelip-kelip di dalam bilik mesyuarat berhawa dingin Pejabat Daerah Kuala Selangor, Pegawai Daerah, Dato' Haji Mustofa al-Hamidi berkata, "Jadi, Kuala Selangor mengalami pencemaran cahaya yang teruk. Lintasan cahaya terang yang keterlaluan daripada lampu strob tiga pusat beli-belah, biasan cahaya lampu jalan, lampu hiasan dan juga lampu dari kawasan perumahan menyebabkan cahaya berkumpul di atmosfera dan langit sentiasa terang. Semuanya berlaku dengan berleluasa di daerah ini. Apa yang patut kita lakukan? Adakah Kuala Selangor mesti bergelap?"

"Tidak, Dato' ," Muhammad Taufik menjawab.

" Jadi apa? Itu saja yang boleh saya lihat sekarang. Kuala Selangor akan menjadi tempat gelap dengan masa depan yang malap," balas Dato' Haji Mustofa.

"Dato', Kuala Selangor tidak perlu bergelap. Saya kan terangkan dalam pembentangan seterusnya," jelas Nurul Hafsa.

(Dipetik daripada Novel Bimasakti Menari, karya Sri Rahayu Mohd Yusop, halaman 10, KPM

Nyatakan faktor-faktor pencemaran cahaya yang berlaku dengan teruk di Kuala Selangor.

[4 markah]

NAMA MURID: _____

TINGKATAN/ KELAS: _____

(ii) Jawab soalan di bawah berdasarkan novel-novel yang berikut:

- a) Leftenan Adnan Wira Bangsa, karya Abdul Latip Talib
- b) Tirani, karya Beb Sabariah

Berdasarkan sebuah novel yang anda pelajari, jelaskan sebab-sebab sesebuah peristiwa itu boleh memberikan kesedaran kepada pembaca.

[6 Markah]